



SEBAHAGIAN daripada penyelidik UTHM yang berjaya merangkul anugerah pada ITEX' 2013.

Penyelidik UTHM cemerlang di ITEX

Berjaya merangkul 16 pingat emas melalui kajian penyelidikan universiti

HASIL penyelidikan dan inovasi Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) berjaya menerima pengiktirafan di peringkat antarabangsa apabila memperolehi 16 pingat emas, 8 pingat perak dan satu pingat gangsa dalam Pertandingan Penyelidikan dan Inovasi yang diadakan sempena 24th International Invention, Innovation, and Technology Exhibition 2013 (ITEX' 2013) yang berlangsung dari 9 hingga 11 Mei lalu di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC).

UTHM meraih 16 pingat emas melalui hasil penyelidikan Prof.Dr. Mohd. Zarar Mohd. Jenu, Dr. Muhammad Yusof Ismail, Dr. Soon Chin Phong dan Ahmad Alabqari

Ma'Radzi dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik(FKEE).

Selain itu, Prof. Madya Dr. Yusri Yusoff, Prof. Madya Dr. Badrul Omar, Prof. Madya Dr. Mustaffa Ibrahim, Prof. Madya Dr. Zawati Harun, Dr. Hassan Zuhdi Abdullah, Mohd. Zaini Yunos dari Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan pembuatan turut terbabit.

Manakala, Prof. Madya Dr. Lee Yee Loon, Dr. Norzila Othman dan Mohd Ezree Abdullah dari Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Sekitar dan Puan Suriati Suparjoh dari Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat.

Lebih dari 1000 produk hasil penyelidikan dan inovasi telah menyertai

pertandingan ini dan melibatkan peserta daripada institusi pengajian tinggi, syarikat korporat, agensi-agensi kerajaan, persatuan-persatuan inovasi dan individu perseorangan.

Pertandingan itu mendapat penyertaan daripada pelbagai negara seperti Iran, Korea Selatan, Poland, Russia, Taiwan, Vietnam, Arab Saudi, Filipina, China dan Hong Kong.

Pertandingan Penyelidikan dan Inovasi itu diadili oleh panel-panel hakim daripada industri dan pelbagai agensi yang menilai melalui beberapa aspek iaitu keaslian idea, pembaharuan dan inovasi yang dilakukanserta sumbangan kepada masyarakat.